



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

MAKLUMAN

KAEDAH PEMBAYARAN UNTUK PENDAFTARAN MUET SESI 1 2022 BAGI CALON PERSENDIRIAN INDIVIDU

Kaedah pembayaran pendaftaran untuk menduduki Ujian MUET Sesi 1 2022 bagi **Calon Persendirian Individu** kini adalah secara perbankan internet/kad kredit di <https://muet.mpm.edu.my> dan **tidak** lagi menggunakan kaedah pembelian PIN MEC (di kaunter/kiosk/ATM/perbankan internet BSN serta MyPay) seperti hebahan yang telah dimuatnaik di Facebook dan portal rasmi MPM bertarikh **6 Disember 2021**.

Bagi Calon Persendirian Individu yang **telah membeli** PIN MEC bagi tujuan pendaftaran MUET Sesi 1 2022, calon perlu membuat pendaftaran baharu secara perbankan internet/kad kredit di <https://muet.mpm.edu.my> dengan kadar segera dan mengisi Google Form di pautan <https://forms.gle/ogd1Uu8YacwvQK19> selewat-lewatnya pada 12 Januari 2022 untuk tindakan pengembalian semula yuran yang telah dibuat oleh calon. Pengembalian semula yuran ini akan dibuat dalam tempoh **satu bulan** selepas tarikh tutup pendaftaran pada **12 Januari 2022**.

Permohonan pengembalian yuran yang diterima **selepas** 12 Januari 2022 tidak akan diproses. Pihak MPM memohon maaf di atas kesulitan di pihak tuan/puan.

**PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM
MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**

7 DISEMBER 2021